

Semakan Semula Kadar Faedah/Keuntungan Deposit

Pelanggan yang Dihargai,

Harap maklum bahawa berkuat kuasa mulai **Selasa, 8 November 2022**, kadar faedah/keuntungan untuk Akaun Simpanan/-i eFlex kami akan disemak semula seperti yang berikut:

Komponen Faedah/Keuntungan	Kadar Setahun
Akruan Harian	0.50%
Bonus*	1.75%

- *i. Kadar Faedah/Keuntungan Bonus merujuk kepada perbezaan di antara kadar semasa 3 bulan Deposit Tetap/Deposit Bertempoh-i (kadar tertakluk pada perubahan) dengan Kadar Faedah/Keuntungan Akruan Harian.
- ii. Untuk layak mendapatkan Faedah/Keuntungan Bonus, baki akhir harian mestilah sama atau lebih daripada had ambang baki sebanyak RM20,000.
- iii. Faedah/Keuntungan Bonus dikira berdasarkan baki akhir harian dengan ambang baki yang layak diakru dan dikreditkan pada akhir bulan.

Sementara itu, kadar faedah/keuntungan untuk Akaun/-i Pemaju Perumahan kami akan disemak semula berkuat kuasa mulai **Selasa, 8 November 2022**, seperti yang berikut:

Akaun/-i Pemaju Perumahan

Amaun (RM)	Kadar Setahun
Semua baki	0.85%

Jika anda memerlukan sebarang penerangan lanjut, sila hubungi Pusat Panggilan kami melalui 03-2178 8888.

Terima kasih kerana berurusan dengan kami.

Dilindungi oleh PIDM setakat RM250,000 bagi setiap pendeposit

Ahli PIDM